

WORD
Mondita**Unlock your blog's true revenue potential**[GET STARTED](#)m. [BERITA](#)

Peranan pustakawan bukan sekadar kumpul buku, pamer dalam almari kaca – PM

Diterbitkan: Jun 17, 2025 11:41 AM · Dikemas kini: 11:41 AM

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa para pustakawan di seluruh rantau ini agar melangkaui peranan tradisional mereka dan menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang dinamik, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) beliau menegaskan bahawa perpustakaan tidak seharusnya hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya di dalam almari kaca. Sebaliknya, ia adalah untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada para pembaca," katanya semasa merasmikan acara tersebut di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Kuala Lumpur, hari ini.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa pustakawan perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital untuk menjangkau khalayak yang lebih luas.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

- Bernama

YOU HAVE ONLY 2 MOVES

IQ: 155

REDD WARS

TRY

MINISO

LIFE IS FOR FUN MINISO

Click to Shop